

31 AUG 2001

Merdeka-Sambutan

SEMANGAT BERSATU WARNAI SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE-44

KUALA LUMPUR, 31 Ogos (Bernama) -- Rakyat Malaysia hari ini menyambut ulangtahun kemerdekaan negara yang ke-44 dengan penuh semangat bersatu padu seperti yang tergambar melalui acara perbarisan dan pelbagai sambutan lain di seluruh negara.

Acara-acara itu yang disertai pelbagai kumpulan masyarakat termasuk dari sektor awam, swasta dan badan-badan sukarela, memancarkan suasana disiplin yang tinggi di kalangan rakyat untuk terus melangkah bersama bagi memajukan negara selaras dengan tema "Keragaman Malaysia".

Perbarisan peringkat kebangsaan di Dataran Merdeka disaksikan oleh Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Siti Aishah.

Seri Paduka Baginda disertai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan anggota-anggota kabinet di pentas khas di hadapan bangunan Sultan Abdul Samad, yang bersejarah itu.

Para perwakilan asing dan pelancong turut menyaksikan sambutan penuh warna warni dan berbentuk pesta itu, yang berlangsung dalam suasana cuaca cerah.

Selain acara kemuncak perbarisan oleh 86 kontinjen dan pasukan pancaragam, pelbagai persembahan kebudayaan semua kaum, nyanyian lagu-lagu patriotik, perarakan kereta berhias, persembahan pancaragam dan terbang lintas pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia.

Acara sambutan bermula dengan lagu kebangsaan Negaraku dimainkan, dan serentak dengan itu lima buah helikopter TUDM yang membawa Jalur Gemilang dan bendera Angkatan Tentera Malaysia melintasi ruang udara Dataran Merdeka.

Yang di-Pertuan Agong kemudian memeriksa kawalan kehormatan dan ia disusuli dengan bacaan ikrar Rukun Negara.

Majlis deklamasi sajak bertajuk "Kamilah Warga Keagungan Bangsa" yang diselang seli dengan tembakan meriam 14 das, meniupkan lagi semangat patriotisme dalam jiwa rakyat Malaysia.

Sejumlah 2,300 pelajar sekolah telah membentuk logo Hari Kemerdekaan 2001 yang bertema "Keragaman Malaysia".

Di ALOR SETAR, Sultan Kedah berangkat menyaksikan perarakan Hari Kemerdekaan peringkat negeri bersama lebih 10,000 orang di Medan Tunku, hari ini. Turut menyaksikan ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain serta para anggota Exco Kerajaan Negeri

Sebanyak 152 kontinjen melibatkan 5,016 peserta mengambil bahagian dalam perarakan itu, yang bermula dari Jalan Telok Wanjah dan berakhir di Medan Kota berhampiran Masjid Zahir, sejauh satu kilometer.

Kontinjen 33 peniaga nasi kandar dan kontinjen Anggota Dewan Undangan Negeri yang termasuk wakil-wakil pembangkang, menjadi dua kumpulan paling menarik perhatian pada perbarisan itu.

Di PONTIAN, sambutan peringkat negeri Johor di Stadium Pontian disertai 108 kontinjen yang menyertai perbarisan lebih satu kilometer dari Bandar Baru Pontian hingga ke stadium.

Sambutan itu diserikan dengan pelbagai acara termasuk bacaan ikrar hari kemerdekaan oleh sekumpulan anak-anak merdeka daripada semua kaum dan acara melepaskan beribu-ribu belon oleh Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, sebagai simbolik kepada tekad rakyat untuk mengekalkan kemerdekaan negara.

Di KANGAR, kehadiran seekor gajah yang berselimut Jalur Gemilang

memeriahkan lagi perarakan Hari Kebangsaan peringkat negeri Perlis yang disertai 106 kontinjen membabitkan 12,000 peserta.

Gajah itu dibawa dari Thailand menyertai kontinjen Majlis Perbandaran Kangar bagi menghidupkan nostalgia budaya masyarakat Perlis di zaman silam. Setibanya di hadapan pentas utama, ia melutut sebagai tanda hormat kepada Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim.

Perarakan beberapa kereta kuda oleh kontinjen Jabatan Perkhidmatan Haiwan turut membantu memeriahkan perarakan itu.

DI SEREMBAN, Yang Dipertuan Besar Tuanku Ja'afar dan Tuanku Ampuan Tuanku Najihah, Datuk Undang Yang Empat dan Tunku Besar Tampin serta Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad dan Puan Sri Hazizah Tumin menyaksikan sambutan hari kemerdekaan peringkat negeri di Padang Majlis Perbadaran Seremban.

Sebanyak 5,000 mewakili 88 kontinjen dari agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan menyertai perarakan itu.

Di KOTA KINABALU, 75 kontinjen terdiri kakitangan kerajaan, pelajar dan pekerja swasta serta anggota badan-badan bukan kerajaan menyertai sambutan Hari Kemerdekaan peringkat negeri Sabah di perkarangan Mahkamah Tinggi di sini.

Mereja berarak dari Mahkamah Tinggi menuju ke Padang Merdeka, dekat sini.

Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai menerima tabik hormat pada perarakan itu.

Di KOTA SAMARAHAN, hujan lebat yang turun awal pagi lagi tidak menjejaskan aturcara perbarisan dan rapat raksasa sambutan perayaan Hari Kemerdekaan di Komplek Sukan di sini .

Malah sebagai penghargaan kepada kontinjen-kontinjen yang mengambil bahagian Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud serta menteri-menteri kabinet negeri sanggup turun ke padang dalam keadaan hujan untuk bersalaman dengan ketua dan peserta kontinjen tanpa menggunakan payung.

Lebih 10,000 orang membanjiri kawasan kompleks itu untuk menyaksikan perbarisan oleh 99 kontinjen.

Di KOTA BAHARU, perarakan 31 basikal unta dari Kelab Basikal Unta Kelantan dan 33 ekor kuda dari Kelab Sukan Berkuda Kelantan memeriahkan perarakan Hari Kemerdekaan peringkat negeri Kelantan yang berlangsung di Jalan Mahmood berhadapan Stadium Sultan Mohamed Ke-IV di sini.

Perarakan basikal unta (basikal tua) oleh golongan muda itu bersama kibaran Jalur Gemilang adalah sebagai simbolik kepada kenderaan berkenaan yang digunakan oleh pejuang kemerdekaan.

Seramai 4,200 peserta dari 120 kontinjen mewakili jabatan dan agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan menyertai perbarisan, yang berarak dan lintas hormat di hadapan Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan disaksikan ribuan orang di sepanjang jalan.

Di TAIPING, 10,000 orang berhimpun di Jalan Panggung Wayang untuk menyaksikan perarakan Hari Kemerdekaan peringkat negeri Perak.

Perbarisan berarak di hadapan Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah.

Turut hadir ialah Raja Di Hilir Perak, Raja Jaafar Raja Muda Musa, Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali dan pemimpin-pemimpin negeri.

Sejumlah 5,000 peserta dari 96 kontinjen yang mewakili agensi kerajaan, sekolah dan badan bukan kerajaan menyertai acara itu, yang pertama kali diadakan di luar Ipoh.

Di KUANTAN, hujan renyai yang turun sejak awal pagi tidak menghalang kira-kira 15,000 orang untuk memenuhi padang MPK1 bagi menyaksikan sambutan Hari Kemerdekaan peringkat negeri Pahang.

Pemangku Raja Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah, Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakub serta barisan Exco kerajaan negeri turut menyaksikan acara itu yang disertai 88 kontinjen daripada pelbagai jabatan,

agensi, kerajaan, sekolah dan pertubuhan bukan kerajaan.

Sambutan dimulakan dengan pemeriksaan kawalan kehormatan oleh Tengku Abdullah, diikuti dengan nyanyian Lagu Negaraku, pembentukan logo dan kawad senyap oleh TLDM dan pertunjukan udara oleh TUDM.

Di MELAKA, 103 kontinjen terdiri daripada pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi, kakitangan agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan menyertai perarakan Hari Kemerdekaan di Padang Pahlawan, Bandar Hilir, di sini.

Mereka berarak sejauh tiga kilometer dari padang itu yang berakhir di Jalan Hang Tuah.

Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin, Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam dan barisan Exco Kerajaan Negeri menyaksikan acara itu bersama hampir 10,000 orang yang membanjiri padang itu.

Di PULAU PINANG, beribu-ribu orang membanjiri Padang Perbandaran di Butterworth bagi menyaksikan perarakan Hari Kemerdekaan peringkat negeri yang disertai 86 kontinjen dengan kira-kira 7,200 peserta.

Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Yahaya Abdul Hamid dan para anggota Exco Kerajaan Negeri turut menyaksikan sambutan itu.

Majlis sambutan itu dimeriahkan dengan pertunjukan kebudayaan daripada pelbagai kaum, nyanyian lagu-lagu patriotik oleh kumpulan koir dan deklamasi sajak.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Mizan Zainal Abidin dan Permaisuri Nor Zahirah berangkat bersama Menteri Besar Datuk Seri Abdul Hadi Awang untuk sambutan Hari Kemerdekaan peringkat negeri di Lapangan Shahbandar di sini.

Kira-kira 5,000 orang menyaksikan acara sambutan itu, yang dimeriahkan dengan perarakan oleh kontinjen dari jabatan-jabatan kerajaan dan swasta serta sekolah-sekolah di sekitar Kuala Terengganu.

-- BERNAMA

AZE MRA AFY LAT